

22 MAY 1997

Abu Zahar - Amanah (bergambar)

ABU ZAHAR ANGGAP PELANTIKAN SEBAGAI AMANAH BERAT

MELAKA, 2 Mei (Bernama) -- Anggota Exco Kerajaan Negeri Melaka Datuk Abu Zahar Isnin yang dinamakan Ketua Menteri baru negeri itu hari ini, menyifatkan pelantikan itu sebagai satu amanah dan tugas berat untuk dipikul.

"Amanah itu telah diserahkan kepada saya dan saya akan cuba sebaik mungkin untuk melaksanakannya," katanya ketika ditemui pemberita di sebuah hotel di sini untuk mendapatkan ulasannya mengenai pelantikan itu yang diumumkan hari ini di Kuala Lumpur oleh pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar kerana kepercayaan yang diberikan itu.

"Saya diberitahu mengenai pelantikan itu oleh Datuk Seri Anwar yang menelefon saya pagi ini," kata Abu Zahar, 57, yang dijadual mengangkat sumpah memegang jawatan esok.

Katanya walaupun agak terkejut dengan maklumat itu tetapi beliau menganggapnya sebagai perkara biasa dalam perjuangan.

"Dalam perjuangan, memang biasa perkara yang disangka dapat, kita tak dapat, manakala yang disangka tak dapat, kita dapat...ini kehendak Allah, jika tuhan nak beri, walau ada halangan pun, dapat," katanya.

Abu Zahar yang juga Ketua Umno Bahagian Jasin dan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Merlimau merupakan Ketua Menteri yang kelapan. Beliau mengisi jawatan itu ekoran kematian Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani pada 14 Mei lepas.

Abu Zahar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam negeri dijadual menerima surat pelantikan daripada Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin pada majlis di Istana Melaka pada 3.30 petang esok.

Pada sidang media itu, Abu Zahar berkata keutamaan beliau apabila memulakan tugas ialah untuk meneruskan semua program pembangunan negeri yang telah diatur sebelum ini.

"Mana-mana program yang perlu dikaji, akan dikaji dan diperkemaskan dan mana yang lambat pula akan dipercepatkan," katanya.

Abu Zahar berkata kerajaan negeri juga akan memberi penekanan terhadap usaha mengatasi masalah sosial dan remaja.

"Saya ingin membuat satu program yang lebih jitu bagi menangani isu itu," katanya.

Kerajaan negeri akan mengorak program pendidikan agama dan moral yang lebih teliti dan penekanan berkenaan akan dibuat seiring dengan program pembangunan ekonomi, katanya.

Abu Zahar berkata beliau juga akan meneruskan amalan dasar kepimpinan terbuka yang diperkenalkan oleh Allahyarham Mohd Zin.

"Saya sedia menerima teguran dan mengadakan perbincangan bagi memastikan kelicinan pentadbiran kerajaan dan politik, dan cara yang akan dibuat oleh pentadbiran di bawah saya ialah dengan mengamalkan sikap berlembut dan diplomasi," katanya.

Mengenai politik, beliau berkata usaha akan dijalankan bagi merapatkan sebarang jurang yang mungkin terdapat sama ada di peringkat negeri, bahagian atau cawangan.

"Antara parti dan kerajaan mesti ada hubungan kerjasama yang rapat," katanya.

Abu Zahar meminta semua pihak dalam jentera pentadbiran kerajaan negeri supaya memberikan kerjasama rapat dan sokongan padu kepada beliau untuk

mentadbirkan negeri. -- BERNAMA  
MOZ MAI